

**Ketua Pengarang,  
KOSMO!**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI REMAJA LUAR BANDAR TERLIBAT DENGAN KEGIATAN PENAGIHAN MELALUI AKHBAR KOSMO! 20 OGOS 2014 DALAM RUANGAN SMS M/S 50.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh **SYIDA** melalui akhbar KOSMO! bertarikh 4 Ogos 2014.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **SYIDA** dalam permasalahan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. Dalam masa yang sama AADK dengan kerjasama agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan menjalankan operasi bersepadu bagi menangani masalah dan isu penagihan dadah dikawasan-kawasan yang dikenalpasti. Sehubungan dengan itu AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca KOSMO!, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my) atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**(SUHAIMI BIN ABDULLAH)  
Ketua Pengarah,  
Agensi Antidadah Kebangsaan,  
Kementerian Dalam Negeri**